

01 NOV 1999

Mahathir-MIMOS

KERAJAAN IKRAR TERUS SOKONG MIMOS BERHAD

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengikrarkan sokongan kerajaan yang berterusan kepada Mimos Berhad kerana ia memainkan peranan penting dalam memajukan perniagaan siber ke arah mewujudkan ekonomi-pengetahuan.

Katanya beliau menaruh harapan kepada MIMOS, agensi yang ditugaskan bagi memajukan industri mikro-elektronik negara, untuk menjadi pemangkin kepada kerjasama secara besar-besaran dalam memajukan web yang saling bergantung antara satu sama lain dan perniagaan siber yang saling sokong-menyokong.

"Oleh itu kerajaan akan terus menyokong Mimos bukan kerana Mimos memerlukan bantuan tetapi kerana Malaysia memerlukannya," kata beliau pada satu majlis semasa lawatan rasmi beliau ke Mimos Berhad di Taman Teknologi Malaysia di sini.

Dr Mahathir berkata sebagai balasan kepada sokongan itu beliau ingin melihat MIMOS dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), yang memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC), bekerja bersama-sama untuk melahirkan usahawan generasi baru yang berani yang dikenali sebagai usahawan siber atau usahawan net.

Lawatan itu diadakan sempena ulang tahun ketiga pengkorporatan MIMOS.

Dr Mahathir berkata dalam ekonomi-pengetahuan hari ini, penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah sangat penting dan pertubuhan seperti MIMOS, yang wujud untuk membangunkan teknologi yang memberi manfaat kepada semua warga Malaysia, perlulah disokong.

"Campur tangan negara seumpama ini mungkin tidak disukai oleh sesetengah pihak tetapi bagaimanapun yang dapat dilihat dalam kemajuan teknologi komunikasi maklumat (ICT), pihak kerajaanlah, bukan usahawan yang berinovatif itu, yang menjadi pendorong kepada perubahan yang begitu pesat dalam bidang itu.

"Bagaimanakah lagi kalau bukan melalui campur tangan kerajaan boleh kita mengharapkan untuk memacu usaha memodenkan teknologi dan mengubah corak ekonomi kita dalam hanya beberapa tahun?" katanya.

Beliau berkata melalui pertubuhan seperti Mimos dan MDC yang disokong oleh kerajaan itu, rakyat Malaysia akan mengubah diri mereka menjadi sebuah masyarakat bermaklumat untuk menikmati kualiti hidup yang tidak pernah terbayang oleh mereka dahulu.

Sebelum dikorporatkan, Mimos adalah singkatan bagi Institut Sistem Mikro-elektronik Malaysia.

Dr Mahathir berkata pada pertengahan 90-an tanda-tanda menunjukkan bahawa Malaysia mungkin tidak akan mencapai Wawasan 2020 dengan bergantung kepada perindustrian semata-mata, dan jawapan kepada dilema itu ialah ICT.

Beliau berkata dengan bantuan Mimos dan jururunding lain, Malaysia telah membuat eksperimen besar yang dinamakan MSC yang terkenal hampir ke seluruh dunia itu, dan hari ini MSC sudah berada di atas landasannya untuk menjadi inkubator terbaik sejagat bagi perniagaan berteknologi tinggi.

Perdana Menteri berkata Mimos boleh diibaratkan sebagai kapal induk dalam armada perniagaan siber dan bendera yang dibawanya adalah tidak kurang daripada keazaman nasional untuk mewujudkan masyarakat bermaklumat dan industri berasaskan pengetahuan.

Dr Mahathir berkata krisis ekonomi baru-baru ini memberi peluang kepada pengkritik untuk memadamkan semangat Malaysia yang berkobar-kobar itu, tetapi beliau sedia menerima kritikan daripada pihak-pihak yang

bertujuan baik.

"Saya menganggap ini sebagai tanda bahawa saya harus telah melakukan sesuatu yang betul... MSC adalah satu-satunya jalan ke hadapan bagi sebuah negara seperti Malaysia," katanya.

MSC meliputi kawasan 750 km persegi ke selatan dari sini yang dikhaskan sebagai pusat bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Dr Mahathir berkata negara yang berlengah-lengah dalam usaha memajukan lebuhraya maklumat baru, mungkin akan mendapati dirinya ketinggalan dalam aktiviti ekonomi nanti.

Sebagai badan pemikir ICT pada peringkat tertinggi bagi kerajaan, Mimos kerap bekerja di belakang tabir bagi menyempurnakan tugas yang diamanahkan kepadanya secara senyap-senyap tetapi berkesan.

"Publisiti yang semata-mata untuk publisiti, bukan dalam agenda Mimos. Yang ada ialah membantu Malaysia menjadi yang terbaik melalui ICT," katanya.

Sebagai institusi R&D yang didorong oleh misi tertentu, mandat Mimos merangkumi keuntungan bagi negara secara keseluruhan iaitu pencapaian Wawasan 2020 melalui peluang dalam bidang sosial dan ekonomi daripada ICT.

Dr Mahathir percaya Mimos sedang mencapai kejayaan dalam melaksanakan misi itu, dan beliau difahamkan oleh pakar-pakar bahawa MSC telah meletak Malaysia di atas landasan ke arah meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tiga kali ganda menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri berkata adalah penting ICT digunakan dengan bijak mengikut nilai dan budaya tempatan, dan satu-satunya cara untuk memastikan ini berlaku ialah dengan rakyat Malaysia sendiri mengawal pembangunan teknologinya.

"Sebagai contoh, ambil sahaja soal penguasaan barat yang berterusan terhadap media. Kita mungkin mengalah dan menerima hakikat bahawa kancil tak ada peluang langsung untuk menang jika berlawan dengan gajah dalam dunia ni. Kita boleh biarkan sahaja mereka dan teruskan dengan cara kita.

"Pilihan yang satu lagi ialah melawan dengan keadaan itu. Saya tidak suka lari daripada berlawan tetapi saya bersikap agak memilih dalam soal menentukan siapa lawan saya..." katanya.

-- BERNAMA

MAM RYN NMO